

SULIT

SOALAN NO. 147

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN [PERTANYAAN DI BAWAH PM.22(5)]

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN KASTHURIRAANI
A/P PATTO [BATU KAWAN]**

TARIKH : 26 MEI 2016

SOALAN :

YB Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan yang akan diambil oleh Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) diatas laporan Pemantau Pilihanraya bahawa wang telah diberikan kepada ahli RELA untuk hadiri satu program BN dimana RM 36 juta telah diluluskan untuk RELA dan peruntukan RM5 juta diluluskan oleh Perdana Menteri untuk menambahbaik jalan dari pekan Bau ke Sibuluh memandangkan ianya kesalahan pilihanraya.

SULIT

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tugas SPR adalah menguruskan pilihan raya supaya berjalan lancar mengikut kerangka undang-undang semasa dan SPR tidak mempunyai kuasa untuk membuat siasatan bagi satu pendakwaan di mahkamah sekiranya ia melibatkan dakwaan rasuah.

Sebarang aduan rasuah yang dibuat oleh mana-mana pihak sama ada mengenai sogokan atau pemberian atau kelulusan segera sewaktu berkempen pilihan raya, hendaklah dimajukan kepada Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) supaya tindakan undang-undang dapat diambil. Pihak SPRM akan menjalankan siasatan yang sewajarnya untuk menentukan sama ada ia adalah rasuah atau tidak. Tindakan ini adalah bagi membolehkan keadilan diberi kepada pihak pendakwa dan juga yang didakwa. Pihak-pihak juga boleh mencabar keputusan pilihan raya tersebut sekiranya didakwa wujudnya unsur-unsur melibatkan kesalahan pilihan raya.

Sekian, terima kasih.